

Bagaimana Menangani Reaksi Akut Anafilaksis Akibat Sengatan Serangga

Reaksi alahan kecemasan (anafilaksis) jika terjadi dan dibiarkan tanpa rawatan, boleh membawa maut. Hampir semua orang pernah mengalami alahan namun tidak ramai mengalami anafilaksis.

Anafilaksis adalah satu bentuk kecemasan akibat reaksi alahan yang paling serius. Ia boleh berlaku dalam tempoh 30 minit hingga 24 jam dengan gejala yang sangat teruk dan pantas. Reaksi alergi ini berlaku diluar jangkaan. Gejala yang timbul boleh membawa maut jika tidak dirawat.

Faktor seperti masalah lelah, eczema dan resdung adalah berisiko berhadapan dengan anafilaksis disamping faktor ahli di dalam keluarga yang pernah mengalami gejala alahan.

Ia boleh terjadi apabila seseorang itu alah pada ubat penisilin atau ubat-ubatan lain, sengatan lebah, penyengat, tebuan dan keluarga semut dan lain-lain. Kacang tanah serta jenis kacang-kacang lain, susu, telur, ikan, makanan laut bercengkerang dan perisa makanan tertentu bagi individu yang alah pada makanan tersebut. Sesetengah reaksi anafilaksis tidak diketahui puncanya.

Bagaimana mengenal anafilaksis

Anafilaksis terjadi dalam tempoh antara beberapa saat hingga dua jam selepas terdedah kepada alergen.

Antara simptom anafilaksis termasuk;

1. Kulit berasa gatal atau terjadinya ruam gatal (gegata)
2. Bibir, kerongkong dan lidah membengkak atau merah
3. Sesak Nafas dan bebunyi, tercungap, batuk, suara garau
4. Sakit kepala atau pening
5. Mual, muntah, sakit perut
6. Hilang kesedaran

Rawatan

Anafilaksis boleh dirawat jika pesakit cepat dikejarkan ke pusat perubatan berhampiran. Rawatan bergantung kepada manifestasi gejala alahan. Jika alahan berlaku serius iaitu renjatan anafilaksis (Anaphylactic Shock) rawatan kecemasan yang paling utama adalah menghentikan proses renjatan tersebut dengan mendapatkan suntikan Adrenalin dan antiHistamin. Suntikan adrenalin boleh diulang setiap 3-5minit jika tiada respon. Lazimnya selepas suntikan tersebut, renjatan ini dapat dihentikan.

Jika disengat tebuan atau lebah, kebiasaannya serangga ini akan meninggalkan pundi sengat diatas kulit yang akan tertolak kedalam. Jangan tampar atau tepuk tetapi tepis

serangga tersebut. Perhatikan samada pundi sengat masih ada tertanam di dalam kulit. Gunakan alat untuk mengumpul pundit sengat tersebut. Malah dalam keadaan kecemasan, hujung kad ATM atau kad kredit pun boleh digunakan.

Jangan ambil mudah. Walaupun mungkin sedikit, tetapi jika kita tiada pengetahuan dan was-was, lebih baik berjumpa doktor. Menyapu minyak gamat atau sebarang minyak herba mungkin boleh membantu mangsa. Begitupun, ia hanya boleh menolong jika sengatan itu bersifat jangkitan setempat (local infection). Sebaliknya jika merebak dan bertambah sakit, harus dibawa ke hospital.